



Teks Ucapan

YAB Perdana Menteri

Dato' Seri Anwar Ibrahim

Rancangan Malaysia Ketiga Belas

2026-2030

Parlimen Malaysia

Isnin, 25 Ogos 2025

11.30 Pagi

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

USUL

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan penuh takzim, saya berdiri di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan usul seperti yang berikut:

“BAHAWA Dewan ini,

***menyedari** akan cabaran Malaysia untuk mengukuhkan pembangunan sosioekonomi dan memastikan daya tahan negara dalam usaha memperkukuh nilai insaniah, mengharungi ketidaktentuan ekonomi dan geopolitik dunia, memantapkan kedudukan kewangan Kerajaan dan menjamin kehidupan rakyat yang bermaruah serta pencapaian Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 dan usaha merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI;*

***merestui** ikhtiar Kerajaan untuk membuat pembaharuan ke atas agenda pembangunan sosioekonomi negara yang menyeluruh selaras dengan kerangka Malaysia MADANI; dan*

***meluluskan** Rancangan Malaysia Ketiga Belas bagi tempoh 2026-2030 bertujuan untuk melakar semula pembangunan dengan menetapkan dasar, strategi dan inisiatif bagi membentuk negara bangsa, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar, memperkukuh tatakelola terbaik serta melonjakkan pertumbuhan ekonomi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang memacu ekonomi serantau dan disegani di persada dunia, menurut Kertas Perintah CMD. 6 Tahun 2025.*

***Bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia bersama-sama membulatkan tekad dengan penuh iltizam untuk membuat perubahan dalam memastikan pembangunan sosioekonomi negara kekal mampan serta memanfaatkan rakyat secara adil dan saksama.”*

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya membentangkan Rancangan Malaysia Ketiga Belas untuk dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua,

MUKADIMAH

1. **Landskap ekonomi global terus berubah ketara** susulan perang tarif antara kuasa besar ekonomi dunia dan dasar perlindungan terutama oleh Amerika Syarikat, serta langkah timbal balas negara-negara lain serta krisis geopolitik dan kemanusiaan yang berpanjangan.

2. **Penurunan kadar tarif oleh Amerika Syarikat** ke atas barangan import dari Malaysia kepada 19% ketimbang 25% yang diumumkan sebelum ini merupakan satu kejayaan kepada kerajaan dalam meneruskan usaha meningkatkan perdagangan dan pertumbuhan ekonomi. **Rundingan dengan Amerika Syarikat akan diteruskan** bagi memastikan hubungan perdagangan, **terutama dalam industri semikonduktor** diperkukuh.
3. Mendepani perubahan dan ketidaktentuan landskap ekonomi global terutamanya dalam menangani **kesannya terhadap ekonomi negara** seperti peningkatan harga barangan dan kos sara hidup, serta menjejaskan peluang pekerjaan dan keterjaminan makanan, Kerajaan harus **berani melakukan perubahan besar** untuk memastikan ekonomi negara **kekal kukuh dan ketenteraman rakyat tidak tergadai**. Pada masa yang sama, **kerjasama strategik dengan rakan dagang** yang lain akan terus dipergiat bagi memperluas pasaran dan memperkukuh hubungan perdagangan.

KERANGKA RMK13: MELAKAR SEMULA PEMBANGUNAN

4. RMK13 dengan tema '**Melakar Semula Pembangunan**' akan menjadi tunjang pembangunan negara untuk tempoh lima tahun 2026 hingga 2030. Tumpuan diberikan untuk **pengukuhan ekonomi** melalui **peralihan secara menyeluruh ke arah ekonomi berasaskan penciptaan nilai (*value creation*)**. Peralihan ini memerlukan perancangan dan tindakan yang bersepadu untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara seumpama **menaikkan siling**.

5. RMK13 turut menekankan ikhtiar strategik Kerajaan untuk **menaikkan lantai** dengan fokus kepada agenda **pemerataan agihan ekonomi** melalui usaha **meningkatkan lagi darjat hidup rakyat, memacu kesaksamaan antara kaum serta** mengurangkan kesenjangan antara **bandar, wilayah dan desa**.
6. Ikhtiar ini sekaligus **meningkatkan ketangguhan negara** dalam **mengelola sebarang risiko, tekanan dan tantangan global serta mampu mengoptimumkan sumber daya untuk bangkit kembali** dan meletakkan Malaysia pada kedudukan yang lebih dihormati di persada antarabangsa.
7. RMK13 turut menumpukan kepada **pembentukan sistem sosial** yang mengutamakan aspek **rohaniah** dan **pembangunan insan MADANI** dengan masyarakat yang bersatu di bawah pendekatan keseluruhan negara, bagi membangunkan **Negara Bangsa yang berdaulat dan bermaruah** serta disegani. Ikhtiar ini perlu juga didukung pengukuhan penyampaian perkhidmatan ke arah **tatakelola terbaik**.
8. Kesemua elemen inilah, yakni **peralihan kepada ekonomi berasaskan penciptaan nilai, agenda pemerataan agihan ekonomi untuk mengangkat darjat hidup rakyat, pembangunan sistem sosial berteras aspek kerohanian dan nilai insaniah** serta **pembentukan Negara Bangsa yang disegani** menjadikan **RMK13 unik dan berbeza** daripada rancangan pembangunan Kerajaan-kerajaan sebelum ini.

9. RMK13 akan direalisasi melalui 9 Prakarsa strategik iaitu:

- i. **Prakarsa Menangani Kos Sara Hidup Rakyat.** Dalam usaha menangani kos sara hidup rakyat, strategi serampang dua mata untuk meningkatkan pendapatan dan mengurangkan harga barangan akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Inisiatif seperti STR, Jualan dan Menu Rahmah serta Pakej Rahmah akan diteruskan di samping mengawal kenaikan harga makanan dan utiliti serta kos pengangkutan awam. Langkah untuk memastikan rakyat menikmati pendapatan wajar akan dilaksanakan melalui semakan gaji minimum, dasar gaji progresif dan SSPA. Kerajaan juga akan melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan ketersediaan bakat melalui TVET serta membuka peluang pekerjaan yang membolehkan lebih ramai rakyat menikmati gaji yang lebih tinggi.
- ii. **Prakarsa Merekayasa Sistem Sosial Berteraskan Insan MADANI.** Usaha dipacu melalui pemerkasaan pendidikan prasekolah hingga menengah termasuk STEM dan literasi digital, selain memupuk perpaduan nasional melalui program kebersamaan seperti PLKN dan Kembara Perpaduan Malaysia.
- iii. **Prakarsa Meningkatkan Mutu Kehidupan Rakyat** melalui keterjaminan makanan, penyediaan sejuta rumah mampu milik, serta reformasi kesihatan negara. Dalam masa sama, projek tebatan banjir dan undang-undang perubahan iklim

akan dilaksanakan bagi memperkukuh kesiapsiagaan negara terhadap bencana.

- iv. **Prakarsa Pemerataan Agihan Ekonomi bagi mencapai Keadilan Sosial dan Kesaksamaan Peluang.** Prakarsa ini menekankan pemeraksanaan Bumiputera, Anak Negeri Sabah, Bumiputera Sarawak, masyarakat Cina dan India, dan Orang Asli, di samping memperluas penyertaan wanita, warga emas dan OKU dalam ekonomi serta memperkukuh sektor ketiga sebagai rakan pembangunan negara.
- v. **Prakarsa Menuju Negara Berteraskan Kecerdasan Buatan (AI).** AI akan menjadi tunjang kepada peralihan ekonomi berasaskan penciptaan nilai. Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2030 akan memacu pembangunan bakat dan penyelidikan, disokong peluasan liputan 5G serta strategi keselamatan data yang kukuh bagi melindungi kedaulatan digital negara.
- vi. **Prakarsa Meningkatkan Ketangguhan Negara melalui Lonjakan Pertumbuhan Industri HGHV dan Sektor Strategik.** Tumpuan diberikan kepada industri semikonduktor, tenaga boleh baharu dan ekonomi hijau, di samping memperkukuh sektor halal, kewangan Islam, pelancongan, industri kreatif serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).
- vii. **Prakarsa Menyeimbangkan Kemajuan Ekonomi Wilayah dan Memperkukuh Pembangunan Desa** bertujuan memastikan limpahan ekonomi dinikmati dengan lebih

menyeluruh **demi mencapai pemerataan pembangunan.** Projek mega seperti ECRL, LRT Pulau Pinang dan Lebuhraya Pan Borneo digerakkan bersama usaha menambah baik infrastruktur asas serta jaringan jalan raya dan rel.

viii. **Prakarsa Memperhebat Penglibatan Malaysia di Persada Ekonomi Dunia.** Melalui pelaksanaan Zon Ekonomi Khas Johor–Singapura (JS-SEZ), Inisiatif **ASEAN Power Grid** dan **Asia Zero Emission Community** (AZEC) serta projek infrastruktur rentas sempadan dan peluasan pasaran eksport ke BRICS, Afrika serta OIC, Malaysia akan terus mengukuhkan kedudukan sebagai pemain penting dalam ekonomi serantau dan global.

ix. **Prakarsa Memastikan Perkhidmatan Kerajaan Telus, Tangkas dan Tuntas.** Melalui pendigitalan perkhidmatan awam seperti *GovTech* dan MyDigital ID, pengukuhan integriti institusi serta pengurusan fiskal yang berhemat, kerajaan komited memastikan penyampaian perkhidmatan benar-benar memberi impak kepada rakyat.

10. Bagi menjayakan prakarsa yang diterapkan dalam RMK13, Kerajaan telah memutuskan pelaburan sekurang-kurangnya **RM611 bilion**. Daripada jumlah ini:

- i. **RM430 bilion** dianggarkan daripada **peruntukan pembangunan oleh Kerajaan;**
- ii. **RM120 bilion** daripada pelaburan langsung domestik dalam sektor strategik daripada **GLC dan GLIC;** dan

- iii. **RM61 bilion** daripada **kaedah perkongsian awam swasta** (PPP).

11. Tumpuan pelaburan Kerajaan akan diberikan kepada sektor sosial terutama **pendidikan**, kesihatan, perumahan, keselamatan dan infrastruktur asas. Pelaburan pendidikan akan menumpukan kepada pembinaan sekolah baharu, prasekolah dan sekolah murid berkeperluan khas, penyediaan fasiliti pembelajaran dan pengajaran, juga naik taraf sekolah daif. Bagi **kesihatan**, fokus diberi kepada pembinaan hospital dan klinik baharu serta naik taraf klinik daif, fasiliti dan peranti perubatan, pendigitalan sistem maklumat pesakit dan pementapan profesion kesihatan. Pada masa yang sama, pelaburan turut merangkumi sektor sosial lain seperti **perumahan, keselamatan dan infrastruktur asas** termasuk jalan raya dan jambatan.
12. Bagi memastikan pelaksanaan yang terarah dan impak setiap pelaburan yang bakal dibuat bermanfaat kepada rakyat, Kerajaan telah menetapkan **sasaran keberhasilan** untuk dicapai dalam tempoh RMK13, antaranya:
 - i. **Pertumbuhan KDNK disasarkan antara 4.5% hingga 5.5%** setahun secara purata, diteraju oleh permintaan domestik, terutama penggunaan dan pelaburan swasta. Pertumbuhan sebenar setiap tahun akan ditentukan oleh beberapa faktor termasuk pertumbuhan ekonomi dunia, dasar yang dilaksanakan oleh negara maju serta impak perubahan iklim yang akan mempengaruhi prestasi pertumbuhan tahunan KDNK;

- ii. **Eksport kasar negara** pula disasar meningkat sebanyak **5.8% setahun**;
- iii. Sektor **perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan** kekal sebagai sumber utama pertumbuhan ekonomi yang berasaskan penciptaan nilai.
- iv. **Defisit fiskal** Kerajaan Persekutuan disasar berkurang secara berperingkat **di bawah 3% kepada KDNK**.
- v. **Paras hutang** Kerajaan **tidak melebihi 60%** kepada KDNK;
- vi. Pendapatan negara kasar **(PNK) per kapita** disasar meningkat kepada **RM77,200** dan dijangka melepasi nilai ambang negara berpendapatan tinggi;
- vii. **kadar purata inflasi** kekal stabil dalam lingkungan **2% hingga 3% setahun**;
- viii. Pasaran buruh negara juga bertambah baik dengan kadar pengangguran mencapai tahap guna tenaga penuh menjelang 2030; dan
- ix. Bahagian pampasan pekerja kepada KDNK pula mencapai 40%. Ini adalah manifestasi agihan faedah ekonomi yang lebih adil antara pekerja dan pemilik modal.

Tuan Yang di-Pertua,

KEBIJAKAN UNTUK MENAIKKAN LANTAI

- 13. Kerajaan akan berusaha meningkatkan mobiliti sosial rakyat dengan **memastikan pendapatan kehidupan wajar** kepada semua umpama menaikkan lantai termasuk **membuka ruang dan peluang kepada semua rakyat** tanpa mengira kaum, latar, wilayah atau pendapatan untuk memajukan diri. Tumpuan akan diberikan kepada

usaha mengekang kenaikan harga barang atau perkhidmatan, demi **mengurangkan beban perbelanjaan**.

14. Inilah strategi **serampang dua mata** yang akan dilaksanakan untuk membantu rakyat menangani tekanan kenaikan kos sara hidup yang kian membebankan.
15. Selain itu, Kerajaan turut memberi keutamaan kepada akses **pendidikan** yang terangkum dan berkualiti, **kesihatan** yang menyeluruh dan mampu dibayar, **kediaman** yang selamat dan selesa serta **bekalan makanan** yang terjamin dan berkhasiat.

PRAKARSA MENANGANI KOS SARA HIDUP

16. Bagi meningkatkan ketangguhan rakyat dalam mendepani beban kenaikan kos sara hidup, pelbagai inisiatif Rahmah akan diteruskan termasuklah **pemberian STR dan SARA**. Selain itu, **Inisiatif Payung Rahmah** melalui program-program utama seperti Jualan Rahmah, Menu dan Kafe Rahmah serta Bakul Rahmah akan membolehkan akses rakyat kepada makanan dengan harga berpatutan. Manakala penyediaan **Pakej Rahmah** untuk perkhidmatan internet serta insurans dan takaful yang lebih mampu dibayar juga diteruskan.
17. Bagi memastikan akses makanan yang mampu dibayar, Kerajaan akan meningkatkan **pemantauan dan kawalan harga makanan** bagi memastikan **ketelusan harga** di sepanjang rantai bekalan.

18. Pada masa yang sama, **17 bentuk bantuan** kepada pelajar seawal peringkat prasekolah hingga menengah seperti Bantuan Makanan Asrama, Rancangan Makanan Tambahan dan Bantuan Awal Persekolahan akan disediakan bagi memastikan mereka tidak keciciran daripada mendapat **akses makanan yang sihat dan berkhasiat**.
19. Bagi mengurangkan bebanan bil utiliti kediaman, kaedah **Time-of-Use** (ToU) yang ditawarkan oleh Tenaga Nasional Berhad kepada orang awam akan digalakkan.
20. Inisiatif seperti **pas perjalanan bulanan** dan **pas perjalanan khas** kepada pelajar, warga emas dan OKU serta program **subsidi tiket penerbangan udara** kepada pelajar juga akan diteruskan bagi memastikan kos pengangkutan awam yang berpatutan.
21. Kerajaan juga terus komited untuk meningkatkan pendapatan rakyat sebagai strategi utama dalam **membasmi kemiskinan dalam semua bentuk**, tanpa mengira kaum, agama atau wilayah. Ikhtiar ini penting bagi mencipta peluang untuk meningkatkan mobiliti sosial.
22. Justeru, pelbagai inisiatif meningkatkan pendapatan rakyat serta program pemerikasaan ekonomi komuniti dan pembangunan kesejahteraan rakyat akan terus dilaksanakan. Melalui Program **SejaTi MADANI** misalnya, dana sehingga RM100,000 diberikan kepada komuniti yang layak untuk meningkatkan pendapatan dan merencanakan kegiatan ekonomi setempat.

23. Selain itu, **Program TVET MADANI** akan diperkasa bagi meningkatkan penguasaan kemahiran yang boleh menjana pendapatan lebih tinggi. Bagi memperakui kemahiran tinggi dalam bidang teknikal dan memperluas laluan kerjaya, tahap pensijilan TVET akan ditingkatkan dengan memperkenalkan **tiga tahap kepakaran baharu, 6 hingga 8**, agar setara dengan tahap kelayakan pengajian tinggi di bawah Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).
24. Pasaran buruh pula akan ditambah baik dengan mempercepat usaha **penyelarasan gaji secara menyeluruh** bagi memastikan pekerja menikmati perkongsian ekonomi yang lebih adil dan saksama. Pada masa sama, Kerajaan juga menggalakkan syarikat besar **menyediakan gaji kehidupan wajar** seperti yang telah dilaksanakan GLC dan GLIC. **Pemantauan kadar gaji yang lebih telus dan responsif** akan diperkukuh dengan memperkasa peranan Majlis Perundingan Gaji Negara dan menambah baik portal e-MASCO.
25. **Mekanisme Levi Pelbagai Peringkat (MTLM)** juga akan dilaksanakan dan dikuat kuasa bagi menggalakkan majikan beralih kepada automasi, mekanisasi serta pengambilan pekerja tempatan, sekaligus mendorong pengurangan jumlah pekerja asing daripada 15% kepada 10% menjelang 2030.

PRAKARSA MEREKAYASA SISTEM SOSIAL BERTERASKAN INSAN MADANI

26. Kerajaan juga sedar bahawa reformasi pendidikan merupakan asas terpenting dalam **meningkatkan mobiliti sosial** dan membentuk

tamadun yang berteras **insan madani**. Kerajaan tekad memastikan **kadar enrolmen** murid prasekolah dan menengah mencapai **98%**, melebihi kadar enrolmen sejagat. Keberhasilan pelajar, peningkatan kompetensi guru, pemantapan institusi pendidikan dan penyediaan infrastruktur menjadi tumpuan reformasi.

27. Apa yang disebut ini **bukan sekadar omongan kosong** seperti yang disebut-sebut sesetengah pihak sehingga ada yang sanggup memanipulasi maksud ayat Al-Quran (surah As-Saff ayat 2 dan 3), mendakwa Kerajaan seolah-olah tidak pernah mengotakan apa yang dikata.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ كَبِرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ

(Surah As-Saff ayat 2 dan 3)

28. Sehingga Jun 2025, Kerajaan telah membina **102 buah sekolah baharu** dan **menaik taraf 1,177 sekolah daif** di seluruh negara dengan nilai RM12.5 bilion. Daripada jumlah ini, 749 projek telah siap manakala selebihnya sedang dan akan dibina. Usaha ini akan dirancakkan lagi dalam RMK13. Sekurang-kurangnya RM67 bilion akan diperuntukkan bagi sektor pendidikan, antaranya untuk **membina baharu dan menaik taraf bangunan sekolah, prasekolah, fasiliti pendidikan murid berkeperluan khas, tadika KEMAS serta institusi pendidikan tinggi awam.**

29. Selain itu, **pembinaan sekolah** juga akan dijadikan **syarat Kebenaran Merancang** bagi projek perumahan berskala besar yang baharu. Pembangunan **sekolah vertikal** akan diperluas bagi menangani isu kepadatan pelajar dan kekangan tapak di kawasan

bandar. Bukan setakat menyediakan fasiliti pendidikan yang baik, sekolah vertikal ini akan digabung dengan kemudahan komuniti dan dilengkapi sistem keselamatan. Meskipun memerlukan pelaburan awal yang lebih tinggi, pendekatan ini lebih kos efektif dalam jangka panjang dan dapat mengurangkan beban keluarga di kawasan bandar melalui akses pendidikan yang lebih hampir dengan tempat tinggal mereka.

30. Pada masa yang sama, kualiti pendidikan negara akan terus ditambah baik melalui beberapa inisiatif penting. Antaranya menjadikan **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai penanda aras utama kebangsaan** untuk menilai keberkesanan dasar, kurikulum dan pedagogi pendidikan negara. **Penilaian PISA dan TIMSS** akan terus diguna pakai bagi memastikan sistem pendidikan kekal berdaya saing dan **berada separas purata antarabangsa**.
31. Tumpuan turut diberikan kepada pendidikan prasekolah di mana Kerajaan akan bergerak ke arah **mewajibkan prasekolah bermula umur 5 tahun**. Selaras dengan itu, **lebih banyak kemudahan prasekolah di bawah KPM** akan disediakan di bandar dan desa.
32. Bagi melahirkan generasi yang bersedia memenuhi permintaan pasaran kerja yang bernilai tinggi, **pendidikan STEM dan literasi digital** akan diperkukuh, termasuk **pengenalan asas AI**.
33. Selain itu, penguasaan bahasa di kalangan murid sekolah akan dipertingkatkan dengan **memperkasa penguasaan Bahasa Melayu** pada semua peringkat, menjadikan **Bahasa Inggeris** sebagai

sebahagian daripada **bahasa pembelajaran dan perhubungan** dan **memperluas pembelajaran bahasa tambahan** di sekolah rendah.

34. Dalam usaha **memperkukuh kompetensi dan profesionalisme guru**, program latihan dan kemahiran secara berterusan akan ditingkatkan serta mekanisme **pengambilan guru secara terbuka** juga akan dilaksanakan bagi memastikan peluang disediakan kepada calon yang benar-benar layak dan mempunyai komitmen tinggi terhadap dunia pendidikan.
35. Bagi memperkemas sistem pendidikan negara, **Kementerian Pendidikan** akan **bertanggungjawab** sepenuhnya dalam mengawal selia **pendidikan prasekolah hingga menengah. Pendidikan pra universiti dan pengajian tinggi** pula akan diselaras oleh **Kementerian Pendidikan Tinggi**.
36. **Majlis Pendidikan Negara** akan ditubuhkan untuk menyelaras, memantau serta merangka tindakan intervensi yang bersesuaian bagi memastikan sistem pendidikan negara sentiasa terkedepan dan bertaraf dunia.
37. Projek rintis **pemberian autonomi kepada universiti awam** yang terpilih akan dilaksanakan bagi memperkukuh tadbir urus institusi pengajian tinggi. Pada masa yang sama, **pengantarabangsaan institusi pendidikan tinggi awam** diperkukuh bagi meningkatkan daya saing institusi di peringkat global.
38. Reformasi sistem pendidikan negara ini akan menjadi asas kepada kepada pembinaan Negara Bangsa yang dilandasi sistem sosial

berteraskan **insan MADANI** yang tinggi nilai adab, kerohanian dan kemanusiaan berasaskan **Maqasid Syariah** dan semangat patriotisme.

39. Program seperti **Kembara Perpaduan Malaysia** dan **Program Latihan Khidmat Negara** turut diteruskan bagi memupuk semangat kebersamaan antara kaum serta memperkukuh identiti nasional. Manakala **Piagam Harmoni Malaysia** akan dibangunkan sebagai panduan utama bagi perhubungan dan keharmonian antara agama dan kaum di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

PRAKARSA MENINGKATKAN MUTU KEHIDUPAN RAKYAT

40. Kerajaan bertekad dalam **menjamin pengupayaan rakyat, menaikkan taraf kehidupan sosial** serta **memastikan akses kepada keperluan asas** seperti makanan, perumahan dan kesihatan yang mampu milik.
41. Bagi memperkukuh **keterjaminan makanan**, penghasilan makanan dalam negara akan dipertingkatkan dengan membangunkan **pertanian berskala besar** di Kedah, Kelantan, Pahang, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Pelaksanaan program **penanaman padi lima musim** dalam tempoh dua tahun di MADA, Kedah dan Perlis, KADA di Kelantan serta kawasan pembangunan pertanian bersepadu di Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Sarawak akan dipercepat dan diperluas pelaksanaannya.

42. Aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi **(RDCI)**, **pemindahan teknologi** melibatkan **pembangunan varieti** dan **teknik** pertanian serta penggunaan **jentera moden** dan adaptasi **pertanian pintar** akan terus digalakkan. Pelaksanaan **ladang satelit** dan **pengurusan tanah** untuk pertanian yang lebih cekap akan turut dipergiat.
43. **Sinergi** antara petani termasuk **agropreneur muda**, **institusi penyelidikan** dan **pihak industri** akan diperkukuh dan rangkaian bekalan makanan akan ditambah baik secara menyeluruh.
44. Selain itu, **sumber import makanan akan turut dipelbagaikan** bagi mengurangkan risiko gangguan kepada keterjaminan bekalan makanan. **Kawal selia makanan yang diimport** akan dimantapkan bagi memastikan keselamatan dan kualiti makanan terus terjamin.
45. Kerajaan juga terus komited untuk memastikan akses kepada kediaman yang berkualiti, mampu milik dan terangkum. Sehingga tahun 2025, 180,000 unit rumah telah siap dan 235,000 lagi sedang dibina oleh Kerajaan. **Satu juta unit rumah mampu milik akan dibina** oleh **Kerajaan serta pemaju swasta** dalam tempoh 2026 hingga 2035 melalui pelbagai inisiatif seperti:
- i. Program Residensi MADANI;
 - ii. Program Perumahan Penjawat Awam;
 - iii. Program Bantuan Bina Baharu Rumah;
 - iv. Program Perumahan Mampu Milik; dan
 - v. Rumah Bakat MADANI.

46. Inisiatif seperti **Skim Jaminan Kredit Perumahan** dan **Skim Sewa untuk Beli (RTO)** akan diperluas bagi membolehkan lebih ramai rakyat mampu memiliki rumah sendiri termasuk yang berpendapatan rendah dan sederhana.
47. Peralihan kepada teknologi seperti **Industrialised Building System (IBS)** dan **Building Information Modelling (BIM)** akan dilaksanakan bagi mempercepatkan pembangunan dan mengurangkan kos pembinaan rumah mampu milik, termasuk perumahan awam.
48. **Inisiatif seperti Kota MADANI** di Putrajaya akan diperluas sebagai model pembangunan perumahan mampu milik yang menterjemah konsep perbandaran 'umran hadhari.
49. **Reformasi kesihatan** adalah ikhtiar penting kerajaan untuk memastikan akses penjagaan kesihatan yang lebih meluas dan terangkum, dengan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan mampu bayar. Tumpuan reformasi akan diberikan kepada penambahbaikan infrastruktur kesihatan, pengeluaran ubat-ubatan, sistem dan peranti perubatan serta pemantapan profesion kesihatan.
50. Antara ikhtiar yang bakal dilaksanakan termasuklah **meningkatkan pembuatan ubat domestik** dan **penggunaan ubat generik** bagi memastikan keterjaminan bekalan perubatan. **Cukai pro-kesihatan** juga akan diperluas kepada produk seperti **tembakau, vape** dan **alkohol** bagi membendung peningkatan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit (NCD) yang membimbangkan.

51. Bagi mengurangkan perbelanjaan rakyat atau ***out of pocket expenses*** untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan, **pembinaan serta naik taraf hospital dan klinik Kerajaan** akan diteruskan, antaranya seperti berikut:
- i. Hospital Tuanku Ja'afar 2, Seremban, Negeri Sembilan;
 - ii. Hospital Sultanah Aminah 2, Johor Bahru, Johor;
 - iii. Pusat Kanser Wilayah Utara, Sungai Petani, Kedah;
 - iv. Pusat Jantung Sabah di Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu, Sabah; dan
 - v. Pusat Kanser Sarawak.
52. Beberapa inisiatif juga akan dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan negara, antaranya **membangunkan rangka kerja pembangunan profesional sektor kesihatan** peringkat kebangsaan sebagai usaha menangani isu keperluan sumber manusia serta menambah baik pembangunan kerjaya.
53. Usaha untuk memperkukuh **pengurusan rekod kesihatan** akan diteruskan sebagai teras pendigitalan sistem merentas fasiliti kesihatan yang akan menyumbang kepada penjanaan analitik kesihatan berimpak tinggi yang diperkasa dengan AI.
54. Tanggungjawab memelihara kesihatan bumi serta menangani kesan perubahan iklim dan risiko bencana turut diberi keutamaan. Dalam RMK13, **Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara** akan diwartakan bagi mengawal selia tindakan iklim negara dan **Pelan Adaptasi Kebangsaan** akan diperkenalkan bagi menangani dan

memperkukuh kesiapsiagaan negara terhadap impak perubahan iklim.

55. Perancangan perbandaran dan daya tahan negara terhadap bencana banjir juga akan dipertingkat antaranya dengan memasukkan **pelan pengurusan risiko bencana dalam Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan. Sistem amaran awal** pula akan ditambah baik dengan penggunaan teknologi **berasaskan AI** agar rakyat lebih bersedia dan dilindungi ketika menghadapi bencana.
56. Risiko dan impak banjir juga akan dikurangkan antaranya melalui projek **Rancangan Tebatan Banjir (RTB)** dengan peruntukan lebih RM20 bilion bagi melaksanakan 103 projek seperti:
- i. RTB Sungai Langat dan Sungai Buloh, Selangor;
 - ii. RTB Sungai Golok, Kelantan;
 - iii. RTB Sungai Gemencheh, Tampin, Negeri Sembilan;
 - iv. RTB Sungai Baru, Melaka;
 - v. RTB Lembangan Sungai Johor dan Lembangan Sungai Muar, Johor;
 - vi. RTB Lembangan Sungai Pahang;
 - vii. Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Moyog, Sabah; dan
 - viii. RTB Bandaraya Kuching, Sarawak.
57. Pengukuhan keselamatan dan pertahanan turut diberi perhatian dengan mewujudkan **angkatan masa hadapan** yang bersepadu, tangkas dan berfokus. Keupayaan aset keselamatan dan pertahanan

serta kapasiti anggota akan diperkukuh dengan **teknologi termaju yang menggunakan AI**.

58. **Kawalan keselamatan dan kesiapsiagaan menghadapi ancaman di sempadan** darat dan maritim negara termasuk di **Laut China Selatan** akan diperhebat. Pada masa yang sama, proses keimigresenan akan dipercepat melalui **Sistem Imigresen Bersepadu Nasional** yang lebih moden.
59. Kita perlu mendepani realiti bahawa Malaysia telah menjadi **negara menua sejak tahun 2021** dan akan beralih kepada negara tua seawal tahun 2043 (data terkini Jabatan Perangkaan Negara, Malaysia akan beralih kepada negara tua pada 2048). Demi memastikan tiada siapa yang tercicir, kerajaan akan melaksanakan pelbagai inisiatif utama antaranya menggubal **Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan 2025-2045** sebagai panduan menyeluruh untuk menghadapi cabaran penuaan negara.
60. Penekanan diberi kepada penyediaan ekosistem perkhidmatan **penjagaan jangka panjang** (LTC) yang lebih berkualiti, mudah diakses, cekap dan mampan. Insentif perlindungan sosial dan faedah akan disediakan kepada penjaga serta pekerja perkhidmatan LTC. Kurikulum TVET juga diperluas agar merangkumi bidang penuaan, selain insentif khas kepada pelajar yang menjalani latihan industri. Satu **entiti khusus** yang berperanan **mengawal selia ekosistem penjagaan** secara menyeluruh juga akan dikenalpasti.

Tuan Yang di-Pertua,

**PRAKARSA PEMERATAAN AGIHAN EKONOMI BAGI
MENCAPAI Keadilan Sosial dan Kesaksamaan Peluang**

61. Kerajaan akan terus memastikan setiap rakyat beroleh limpahan manfaat daripada kemajuan yang dicapai negara. Justeru, pendekatan berdasarkan kaum semata-mata akan beralih kepada pendekatan **pemerataan agihan ekonomi yang memberi keutamaan kepada keperluan sebenar rakyat.**
62. Sejak mengemudi pentadbiran negara, Kerajaan MADANI tidak sesekali pilih kasih dalam soal membela nasib hidup rakyat. Sama ada Melayu, Cina, India, Orang Asli, anak Bumiputera Sabah mahupun Sarawak, semua **rakyat dibantu tanpa mengira kaum, agama, wilayah** mahupun fahaman politik mereka.
63. Setiap dasar dan ikhtiar yang telah dan sedang kita laksanakan bagi meningkatkan darjat hidup rakyat melalui **agenda pemerataan** ini, sama ada dari aspek bantuan tunai, pendidikan, keusahawanan, sosial mahupun infrastruktur, adalah untuk maslahat dan kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.
64. Umpamanya, kenaikan peruntukan tertinggi adalah dalam bidang pendidikan, kesihatan dan bantuan kos sara hidup. Jika dibanding Belanjawan 2024 dengan Belanjawan 2025, peruntukan:
 - i. Kementerian Pendidikan naik daripada RM59 bilion kepada RM64 bilion.

- ii. Kementerian Kesihatan naik daripada RM41 bilion kepada RM45 bilion.
 - iii. Bantuan STR naik daripada RM10 bilion kepada RM13 bilion.
65. Jumlah bantuan tunai STR dan SARA sebahagian besarnya disalurkan kepada golongan sasar Melayu, iaitu sebanyak **RM7.1 bilion**. Selain itu, **Anak Negeri Sabah** dan **Bumiputera Sarawak** turut menerima manfaat ketara, masing-masing **RM1.0 bilion** dan **RM0.8 bilion** daripada keseluruhan penerima. Orang Asli menerima **RM130.5 juta**. Melalui **Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan, usahawan Bumiputera** telah menerima jaminan sebanyak **RM4 bilion**. Di bawah **Skim Jaminan Kredit Perumahan** pula, **RM17.2 bilion** disalurkan khusus kepada **Bumiputera**.
66. Melalui **PuTERA35**, agenda pemeraksanaan Bumiputera akan digerakkan ke arah **strategi 3P**, iaitu penyertaan yang meluas, pemilikan yang bermakna dan penguasaan dalam sektor strategik. **Pembangunan Bandar Malaysia** dan **kawasan sekitar Lapangan Terbang Subang** merupakan dua projek yang strategik melibatkan penyertaan Bumiputera.
67. Dalam hal ini, selain **institusi seperti MARA, TERAJU, UiTM dan PNB**, penyertaan **GLC, GLIC dan syarikat swasta** akan digembleng agar lebih ramai **pemilik perniagaan dalam kalangan profesional Bumiputera** dilahirkan.
68. Daya saing **syarikat Bumiputera** di peringkat antarabangsa akan ditingkatkan dan dipersiap untuk **disenarai di Bursa Malaysia**. Antara strategi yang akan dilaksanakan adalah **perlumbaan relay**

yang bertujuan mengupaya dan meramaikan usahawan Bumiputera seawal peringkat syarikat mula niaga hinggalah muncul sebagai syarikat tersenarai. Sokongan institusi kepada usahawan Bumiputera oleh GLC juga akan diperkukuh dengan sasaran **melahirkan 10 jaguh Bumiputera** dalam rantai bekalan dengan hasrat untuk memajukan setiap syarikat tersebut sehingga bernilai lebih RM500 juta.

69. Program **Gate to Global (GTG)** akan diteruskan bagi mengangkat daya saing usahawan Bumiputera di pasaran antarabangsa melalui pembangunan kapasiti dan produk, fasilitasi padanan eksport dan pemasaran digital.
70. Pembangunan sosioekonomi **Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak** pula akan diperkukuh dengan **memperluas peluang perniagaan** melalui penyediaan **premises komersial** dan akses kepada **bantuan pembiayaan** serta program **latihan** dan **bimbingan keusahawanan**.
71. Bagi menambah baik perlindungan hak serta meningkatkan sosioekonomi Orang Asli, **Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]** akan **disemak semula** di mana perihal pemilikan tanah, pendidikan dan infrastruktur kepada komuniti ini akan ditambah baik. Semakan dasar juga akan dilaksanakan bagi membolehkan Orang Asli mendapat manfaat yang lebih setara dan saksama. Pemberian terus **bantuan persekolahan kepada ibu bapa murid Orang Asli** diteruskan dan sekolah berasaskan komuniti atau **community-based school** kepada komuniti ini akan diperluas bagi membolehkan lebih ramai Orang Asli mempunyai akses kepada pendidikan berkualiti.

72. Kaum Cina merupakan penerima kedua terbesar bantuan tunai Kerajaan MADANI, merangkumi **18.96%** penerima. Bagi sokongan pembiayaan perniagaan, usahawan Cina turut mendapat manfaat jaminan bernilai **RM13.9 bilion**. Sementara itu, melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan, kaum Cina turut menerima manfaat bernilai **RM1.68 bilion** bagi pemilikan rumah.
73. **Selain MITRA, kaum India turut menikmati pelbagai sokongan lain merentas Kementerian.** Daripada Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) di bawah KUSKOP, STR dan SARA oleh MOF, Bantuan Awal Persekolahan, hinggalah bantuan kebajikan di bawah KPWKM.
74. Penerima manfaat bantuan tunai Kerajaan MADANI daripada masyarakat India mencapai jumlah sebanyak **RM972 juta**. Sokongan pembiayaan perniagaan pula mencecah **RM0.6 bilion** melalui Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan. Manakala melalui skim pinjaman perumahan, kaum India menerima jaminan berjumlah **RM2.5 bilion**. Ini bukti jelas bahawa kerajaan sentiasa memastikan tiada komuniti yang terpinggir.
75. Bagi menyokong **peningkatan kadar penyertaan wanita dalam pasaran kerja** kepada 60%, termasuk ibu yang mempunyai anak kecil, **pusat penjagaan** yang berkualiti akan diperluas dan latihan bersesuaian akan disediakan.
76. Inisiatif juga akan diteruskan untuk **memperluas fasiliti dan kapasiti pendidikan khas** kepada golongan OKU di seluruh negara. Dalam

hubungan ini, projek **pembinaan blok Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)** di 34 buah sekolah sedia ada seluruh Malaysia akan diteruskan. Pembinaan sekolah baharu juga akan dilengkapi dengan kemudahan PPKI.

77. Bagi meningkatkan **penyertaan warga emas, Orang Asli dan OKU dalam pasaran kerja, sokongan dan latihan** yang mencukupi akan diberikan melalui program Akademi Dalam Industri (ADI), Pelan Tindakan OKU Kebangsaan dan insentif kepada majikan.
78. **Sektor ketiga akan diperkasa** bagi membolehkan sektor ini bergerak bersama-sama Kerajaan untuk mengupayakan golongan sasaran dan rentan. Dalam hubungan ini, daya tahan sektor ketiga akan diperkukuh melalui **penyediaan latihan dan khidmat nasihat. Sumber pembiayaan alternatif** kepada sektor ini akan diperluas melalui sukuk sosial, dana wakaf, zakat, *crowdfunding* serta pembiayaan campuran, termasuk penglibatan GLC, GLIC dan swasta serta pengukuhan gerakan koperasi.

Tuan Yang di-Pertua,

KEBIJAKAN UNTUK MENAIKKAN SILING

79. Menjelang tahun 2030, aspirasi Malaysia adalah untuk muncul sebagai negara berpendapatan tinggi dan tergolong dalam **30 ekonomi utama dunia** serta bangkit sebagai peneraju teknologi dan pengeluar produk serta perkhidmatan **‘Made by Malaysia’** yang bertaraf dunia.

80. Selain menjadi destinasi pelaburan pilihan, reputasi kedudukan ekonomi yang kukuh ini akan **meningkatkan potensi untuk lebih banyak produk kita menembusi pasaran dunia**. Lebih mudah juga untuk kita **membina kerjasama strategik** dengan negara lain, dan **memperkukuh kedudukan geopolitik**.

PRAKARSA MENUJU NEGARA BERTERASKAN KECERDASAN BUATAN

81. Untuk ini, Malaysia perlu memanfaatkan sepenuhnya “**peluang generasi**” atau *generational opportunity* dalam AI dengan menetapkan hala tuju yang jelas untuk menerajui ekonomi Asia Tenggara dalam AI, teknologi digital dan industri tenaga boleh baharu.
82. **Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2030** akan memacu pembangunan bakat tempatan, penyelidikan dan pengkomersialan teknologi bagi menyokong adaptasi AI secara meluas.
83. Adaptasi ini akan diperluas merentasi pelbagai sektor. Antaranya melalui **pelebaran jaringan 5G mencapai 98%** liputan di kawasan berpenduduk dan perindustrian termasuk kawasan desa menjelang tahun 2030, di samping **menambah baik infrastruktur digital**.
84. **Kepercayaan digital (*digital trust*)** akan diperkukuh melalui strategi keselamatan data nasional untuk melindungi data peribadi, menangani ancaman siber dan memastikan kedaulatan digital negara.

85. Inisiatif seperti **Pengenalan Identiti Digital Perniagaan**, **penggunaan *digital twin***, pembangunan **bank data negara** serta penubuhan **Suruhanjaya Data** juga akan diteruskan bagi mempercepat peralihan kepada AI, teknologi digital yang selamat dan berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua,

**PRAKARSA MENINGKATKAN KETANGGUHAN NEGARA
MELALUI LONJAKAN PERTUMBUHAN INDUSTRI HGHV DAN
SEKTOR STRATEGIK**

86. **Bagi meningkatkan ketangguhan negara**, NIMP dan NSS telah menggariskan strategi untuk melonjakkan momentum Malaysia sebagai pengeksport keenam terbesar semikonduktor dunia. **Projek Flagship Industri Semikonduktor High Value-High Technology** akan dipercepatkan. Kita sasarkan nilai eksport produk E&E menghampiri RM1 trilion menjelang 2030.
87. NSS akan memberi tumpuan dalam pembangunan reka bentuk litar bersepadu, peralatan pembuatan semikonduktor dan proses hadapan (*front-end*). **Penglibatan GLC akan ditingkatkan** melalui pelaburan bagi penskalaan syarikat tempatan yang berpotensi.
88. **Sinergi syarikat tempatan dengan syarikat semikonduktor global** di sepanjang rantai nilai juga akan terus diperkukuh bagi mempercepat peralihan industri ini kepada pengeluaran produk semikonduktor yang lebih kompleks dan bernilai tinggi.

89. Dalam masa yang sama, **peralihan kepada tenaga boleh baharu (TBB)** akan membuka peluang pelaburan dan pertumbuhan yang lebih luas kepada pemain industri tenaga. Negara mensasarkan peningkatan campuran kapasiti terpasang negara daripada 29% kepada 35% menjelang 2030.
90. Sistem pasaran tenaga elektrik yang lebih inovatif berdasarkan kos sebenar perolehan penjanaan tenaga akan diwujudkan. Pelaksanaan **Program Community Renewable Energy Aggregation Mechanism (CREAM)** serta **Inisiatif Dana Kemudahan Peralihan Tenaga Negara** dan **Program Pembekalan Elektrik Tenaga Boleh Baharu Korporat** akan mempercepat adaptasi dan pelaburan dalam tenaga hijau.
91. Seiring dengan **NETR, *battery energy storage system (BESS)*, grid pintar** dan **projek sambung tara bekalan elektrik** dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia pula akan membolehkan integrasi tenaga boleh baharu antara wilayah secara lebih efisien.
92. Selain itu, **inisiatif solar terapung hibrid hidro dan hab hidrogen hijau di Kenyir** akan diperluas sebagai model tenaga hijau bersepadu. Kerajaan juga mempertimbangkan **tenaga nuklear** sebagai salah satu sumber tenaga bersih yang berdaya saing dan selamat.
93. Pada masa yang sama, Kerajaan akan memperkukuh keterjaminan bekalan tenaga sedia ada melalui pembinaan **Kompleks Terminal Penggasan Semula Ketiga di Lumut, Perak (LuMIC)**.

94. Kerajaan juga komited mempercepat **pembangunan industri unsur nadir bumi (REE)** dengan keutamaan kepada kegunaan domestik bagi membina industri pertengahan dan hiliran. Fokus diberikan kepada pembangunan kapasiti tempatan dalam teknologi perlombongan, penulenan dan pemisahan REE.
95. **Ekonomi hijau** sebagai model pembangunan ekonomi yang mengutamakan **kelestarian alam sekitar** akan diperkukuh. Perdagangan karbon akan dimudah cara, antaranya melalui pelaksanaan **Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan, Skim Perdagangan Pelepasan (ETS)** serta penyediaan insentif bagi **projek kredit karbon**.
96. Selain itu, aktiviti **pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS)** serta akses kepada **pembiayaan hijau** akan dipergiat dengan menjadikannya sebahagian daripada taksonomi pelaburan dan pembiayaan hijau. Sebuah projek rintis pemerangkapan karbon dalam industri besi dan keluli akan dilaksanakan di Kemaman, Terengganu.
97. **Pelan Hala Tuju Penyahkarbonan Sektor Penerbangan Malaysia** akan dilaksanakan. Pelan ini menggariskan pembangunan infrastruktur dan penggunaan bahan api penerbangan mampan (SAF).
98. Penggunaan sisa pertanian pula akan dioptimumkan dalam memacu **ekonomi kitaran** dan menghasilkan nilai tambah baharu yang mampan. Pembinaan **loji waste-to-energy** akan diperluas melalui

kerjasama swasta untuk mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan.

99. Pada masa sama, kapasiti kemudahan **depoh pengadunan biodiesel** di Sandakan, Lahad Datu dan Bintulu juga akan dinaik taraf bagi menyokong penggunaan bahan api alternatif rendah karbon.

100. **Pelan Transformasi Sektor Air 2040 (AIR2040)** yang bertujuan mentransformasi sektor air kepada sektor ekonomi yang dinamik akan diteruskan. Tumpuan akan diberikan untuk mempergiat pembangunan dan inovasi teknologi air tempatan yang cekap air dan mampan melalui kerjasama strategik dalam RDCI serta dengan Kerajaan Negeri.

101. Di bawah pelan ini, inisiatif **mengurangkan penggunaan air mentah dan menurunkan kadar air tidak berhasil (NRW)** serta memperluas penggunaan air pulih guna secara mampan akan terus dilaksanakan.

102. Kerajaan memberi penekanan kepada **pertumbuhan industri strategik dalam ekonomi biru** yang mampan dan berdaya saing. Fokus merangkumi pembangunan hab perikanan bersepadu, pelancongan pantai dan maritim, perlindungan ekosistem, teknologi berasaskan bio biru serta hab ekonomi biru di Sabah.

103. Khusus bagi pembangunan **industri pembinaan dan pembaikan kapal (SBSR)**, usaha menarik pelaburan strategik akan dipergiat untuk memperluas industri perkapalan dan menaik taraf

infrastruktur bunkering di pelabuhan negeri Perak, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

104. **Infrastruktur pelabuhan yang lebih moden**, cekap dan lestari akan dibangunkan termasuklah pembinaan terminal ketiga di Pulau Carey dan pembangunan terminal kontena Westports 2 serta pembesaran Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Johor.

105. Kerajaan akan terus melonjakkan **pembangunan subsektor agrikomoditi** meliputi sawit, getah dan koko. Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan produktiviti melalui penggunaan teknologi moden termasuk mekanisasi, automasi dan robotik, RDCI dan pensijilan kemampunan.

106. Perhatian juga terus diberikan kepada sektor strategik yang memberikan impak tinggi kepada ekonomi negara, antaranya **industri halal, industri kewangan, industri pelancongan, industri kreatif dan PMKS.**

107. Dalam RMK13, negara menyasarkan **peningkatan eksport halal kepada RM80 bilion** dan sumbangan industri halal kepada **KDNK naik kepada 11%**. Langkah ini didukung dengan penubuhan Suruhanjaya Halal Malaysia dan pembangunan Halal Industrial Park antaranya di Melaka, Perak dan Kelantan.

108. Industri perkhidmatan kewangan negara akan terus diperkukuh dengan tumpuan kepada **pendigitalan sistem kewangan** termasuk penerokaan teknologi seperti tokenisasi aset, mata wang digital bank pusat dan peluasan platform *sandbox*.

109. Pembiayaan berasaskan ekuiti melalui **modal teroka (venture capital)** akan terus diperkukuh melalui dana pelaburan melebihi RM1 bilion daripada GLIC, selaras dengan pelaksanaan **Pelan Hala Tuju Modal Teroka Malaysia (MVCR)** bagi menyokong pertumbuhan syarikat pemula.
110. Selaras dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam global, pelbagai inisiatif dilaksanakan melalui **Pelan Sektor Kewangan** dan **pelan induk pasaran modal baharu**. Tumpuan diberi kepada pasaran modal yang mampan, inovatif dan inklusif, termasuk kerjasama antarabangsa melalui **Malaysia International Islamic Financial Centre**.
111. Industri pelancongan akan terus diberi keutamaan. Tumpuan akan diberikan kepada **inisiatif pembangunan zon khas pelaburan pelancongan (STIZ)** khususnya di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak. Zon ini akan menjadi pemangkin kepada penciptaan produk pelancongan baharu berasaskan aset seni, budaya dan warisan serta alam semula jadi.
112. Selain itu, melalui **Inisiatif Warisan Kuala Lumpur**, khazanah bersejarah seperti Stadium Merdeka, Bangunan Sultan Abdul Samad, Dataran Merdeka, Stesen Keretapi Kuala Lumpur sehingga Carcosa Seri Negara akan dipulihara dan dipelihara. **Industri inap desa** juga akan diperkasa bagi melebarkan limpahan ekonomi sehingga ke desa.

113. **Tahun Melawat Malaysia 2026** akan menjadi pemangkin penting ke arah mencapai sasaran sumbangan sektor pelancongan sebanyak 16% kepada KDNK dalam tempoh RMK13.
114. Kerajaan komited **memacu pertumbuhan ekonomi jingga** melalui industri kreatif digital yang berpotensi tinggi. Industri kreatif digital negara sahaja telah menjana pendapatan berjumlah RM6.3 bilion, dengan nilai eksport mencecah RM850 juta.
115. Bagi memanfaatkan potensi industri ini, **pembangunan bakat** akan diperkukuh. **Dana Padanan dan Dana Produksi Bersama** juga akan disediakan bagi menggalakkan pelaburan dan penghasilan kandungan bertaraf global.
116. **PMKS** mempunyai kedudukan dan peranan signifikan dalam meningkatkan pembangunan sosioekonomi negara. Bagi merealisasikan sasaran **50% sumbangan PMKS kepada KDNK** negara menjelang 2030, Kerajaan komited untuk mewujudkan **ekosistem PMKS yang lebih progresif**. Komposisi firma bersaiz sederhana disasarkan meningkat daripada 1.8% pada tahun 2023 kepada 5% pada tahun 2030.
117. Penskalaan PMKS akan diteruskan menerusi **sokongan padu dan penglibatan aktif GLC**, termasuk melalui program pembangunan kapasiti, pendigitalan dan penambahbaikan operasi. Antara inisiatif yang diusahakan termasuklah penyediaan **Dana Pelaburan Strategik**, pengukuhan modal kerja dan pembiayaan projek serta **Skim Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana**.

118. Peralihan negara kepada ekonomi berasaskan penciptaan nilai menuntut pelaburan yang lebih besar dalam RDCI. Justeru, Kerajaan **mensasarkan peningkatan dalam perbelanjaan RDCI** sebanyak 2.5% daripada KDNK.
119. Selain itu, **pembangunan modal insan yang berkemahiran** akan terus diberi keutamaan melalui pengukuhan dan penyelarasan antara agensi seperti KPT, KPM, KESUMA, KKDW dan MARA. Penawaran program **TVET akan distategikan semula**, dengan **penekanan kepada sektor HGHV** dan berasaskan teknologi termaju, sejajar dengan keperluan pasaran dan industri. Secara tidak langsung, ikhtiar ini bakal menyokong pewujudan 700,000 peluang pekerjaan baharu dalam sektor pembuatan dan 500,000 lagi penciptaan karier dalam bidang ekonomi digital.
120. Pengambilan lepasan SPM ke dalam TVET disasarkan meningkat daripada 55% pada tahun 2025 kepada 60% pada tahun 2030. Bagi tujuan ini, Kerajaan antara lain akan memperkenalkan **Skim Pembiayaan Perkasa TVET Madani** dan **Dana Latihan TVET** bagi menggalakkan penyertaan belia. Penawaran TVET turut **diperluas kepada pelajar tahfiz bagi melahirkan huffaz teknokrat MADANI** yang mempunyai nilai tambah kepakaran teknikal.

Tuan Yang di-Pertua,

**PRAKARSA MENYEIMBANGKAN KEMAJUAN EKONOMI
WILAYAH DAN MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN DESA**

121. Kerajaan komited untuk **mencapai pemerataan pembangunan** dengan **menangani kesenjangan pembangunan antara wilayah** bagi memastikan **rakyat menerima limpahan manfaat pembangunan** secara adil, menyeluruh dan inklusif. Tumpuan akan diberikan kepada usaha **memperkuh infrastruktur asas, merangsang aktiviti ekonomi dan menggalakkan pelaburan strategik**, terutamanya di desa.

122. Kerajaan terus komited untuk **meningkatkan lagi pelaburan kepada enam negeri kurang membangun** yakni Perlis, Kedah, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak dalam usaha merapatkan jurang pembangunan antara negeri. **Bagi tahun 2025, negeri Kedah, sebanyak RM2.13 bilion, Kelantan, RM3.12 bilion, Terengganu, RM1.84 bilion dan Perlis, RM0.61 bilion.** Peruntukan ini adalah untuk pembangunan infrastruktur asas, termasuk jalan, jambatan dan lebuh raya, liputan akses kepada air bersih dan selamat, liputan bekalan elektrik serta akses kepada capaian internet. Usaha ini membolehkan rakyat memanfaatkan kemudahan yang disediakan untuk mempergiat aktiviti ekonomi, seterusnya meningkatkan taraf hidup.

123. Dalam RMK13, tumpuan kepada sektor-sektor baharu akan diberikan bagi membolehkan pelaburan **berimpak tinggi** dibawa ke **kawasan yang kurang diberi tumpuan sebelum ini** untuk merencanakan pembangunan desa. **Antaranya:**

- i. Kawasan Perindustrian Lembah Chuping dan Pelabuhan Darat Perlis;

- ii. Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP) dan Bandar Perindustrian Maritim Lumut (LuMIC), Perak;
- iii. Taman Perindustrian Tok Bali, Kelantan; dan
- iv. Taman Perindustrian Kota Kinabalu, Sabah.

124. Kedudukan **Perak, Kedah dan Perlis yang bersempadan dengan negara Thailand** misalnya akan meningkatkan peranan negeri di utara Semenanjung sebagai hab ketersambungan serantau. Dengan adanya Perlis Inland Port misalnya, serta kemudahan pergerakan kargo dan sumber yang lebih mudah, kita mempunyai kelebihan untuk menjadi pemangkin pembangunan di peringkat subserantau.

125. **Pembangunan infrastruktur berskala besar** juga kekal sebagai keutamaan bagi memperkukuh keterhubungan serta merangsang pertumbuhan wilayah secara terancang. Antara projek yang dilaksanakan adalah:

- i. Pembinaan ECRL yang menghubungkan Pantai Timur dengan Pantai Barat Semenanjung Malaysia;
- ii. Landasan Berkembar Gemas-Johor Bahru dan E-ART Wilayah Iskandar, Johor; dan
- iii. Projek LRT Laluan Mutiara, Pulau Pinang.

126. Di samping itu, **perkhidmatan pengangkutan awam yang bersepadu** di bandar dan desa akan terus ditambah baik. Antaranya, meningkatkan ketersambungan batuan pertama dan akhir melalui tambahan **300 unit van DRT** dan tambahan **1,200 unit bas**. Kekerapan perkhidmatan tren penumpang juga akan ditingkatkan melalui penambahan **217 set tren penumpang**.

127. **Naik taraf laluan sedia ada dan pembinaan jalan baharu** akan diteruskan untuk memastikan akses yang lebih lancar. Antara projek tumpuan termasuklah:

- i. Lebuhraya PLUS laluan Senai Utara-Machap, Johor;
- ii. Lebuhraya PLUS laluan Juru-Sungai Dua, Pulau Pinang;
- iii. Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama, Pahang dan Kelantan;
- iv. Lebuhraya Pan Borneo Sabah; dan
- v. Lebuhraya Trans Borneo di Sarawak

128. Tumpuan juga diberi untuk menyediakan **akses melalui pembinaan 2,800 km jalan luar bandar**, antaranya:

- i. jalan utama dari Nanga Serau ke Nanga Seranau, Kapit, Sarawak;
- ii. jalan ke Mesej Mansalu, Ranau, Sabah;
- iii. jalan dari jambatan Sungai Air Tawar ke Hutan Melintang, Bagan Datuk, Perak; dan
- iv. Jalan Pos Sinderut, Lipis, Pahang.

129. **Inisiatif *road-to-rail*** bagi memindahkan sebahagian besar pergerakan kargo daripada jalan raya akan meningkatkan **kadar penggunaan landasan daripada 6% kepada 13%** dan sekali gus **risiko kemalangan jalan raya dapat dikurangkan**.

130. Tumpuan turut diberikan kepada Sabah dan Sarawak melalui pelaksanaan inisiatif seperti **Hab Hidrogen Sarawak** dan **Jaminan Bekalan Tenaga Sabah** yang secara tidak langsung akan memperkukuh infrastruktur tenaga di kedua-dua negeri.

131. Bagi negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia pula, pembangunan akan dipacu melalui **hab pengeluaran makanan negara termasuk industri halal** yang bersepadu dan berdaya saing, sekali gus menjana peluang ekonomi baharu khususnya kepada penduduk desa. Selain itu, tumpuan juga diberi untuk pembangunan industri ekonomi biru terutamanya **perikanan, perkapalan dan pelancongan pantai**.

Tuan Yang di-Pertua,

PRAKARSA MEMPERHEBAT PENGLIBATAN DAN PERANAN MALAYSIA DI PERSADA EKONOMI DUNIA

132. Bagi menarik pelabur berkualiti tinggi dalam negara, inisiatif terbesar yang diusahakan Kerajaan adalah **pelaksanaan JS-SEZ yang disokong oleh pusat sehenti pelaburan**.

133. Berbekalkan momentum kepengerusian ASEAN tahun ini pula, **Malaysia memimpin pelbagai inisiatif pengintegrasian ekonomi serantau**. Ini termasuklah inisiatif **ASEAN Power Grid (APG), ASEAN Connectivity by Rail dan Asia Zero Emission Community (AZEC)**.

134. Bagi **memperkukuh keterhubungan dan ekonomi rentas sempadan**, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan projek infrastruktur seperti berikut:

- i. menaik taraf jambatan Rantau Panjang-Sungai Kolok yang menghubungkan Malaysia dengan Thailand;
- ii. menaik taraf jaringan jalan raya di sempadan yang menghubungkan Sabah dan Sarawak dengan Kalimantan, Indonesia;
- iii. pembangunan RTS Link yang menghubungkan Malaysia dengan Singapura; dan
- iv. pengoperasian Pelabuhan Darat Perlis sebagai laluan perdagangan antara Malaysia dan Thailand.

135. Pada masa yang sama, projek menaik taraf **ICQS Bukit Kayu Hitam dan Rantau Panjang** serta **CIQ di Sabah dan Sarawak** akan diteruskan.

136. Pelaburan strategik oleh syarikat penerbangan tempatan akan dipertingkatkan melalui **perolehan 178 pesawat baharu** dan penambahan perkhidmatan penerbangan. Manakala **penyahsenaraian MAHB** pula akan membolehkan pembaharuan segera dilaksanakan, dengan tumpuan kepada menaik taraf prasarana, memperluas kesalinghubungan, serta menambah baik pengalaman pengguna.

137. Dasar mesra pelabur akan diperkenalkan bagi menggalakkan penubuhan **ibu pejabat serantau** serta **kemasukan bakat global**. Pada masa yang sama, kerjasama ekonomi serantau akan terus diperkukuh melalui **IMT-GT** dan **BIMP-EAGA**.

138. Malaysia juga akan **memperluas pasaran eksport** dan pelaburan ke rantau baharu termasuk Eropah, pasaran BRICS, benua Afrika

dan negara anggota OIC. Ini termasuklah pengukuhan strategi pengantarabangsaan industri francais tempatan ke pasaran serantau dan global.

KEBIJAKAN UNTUK MEMPERKUKUH TATAKELOLA BAIK

139. Bagi menterjemah setiap ikhtiar menaikkan lantai dan siling dalam menyumbang kepada kehidupan rakyat yang sejahtera, bumi yang sihat serta negara berdaulat, Kerajaan sedar, tatakelola terbaik menjadi batu asas terpenting.

140. Iktikad Kerajaan MADANI adalah untuk **mewujudkan pentadbiran berteraskan tatakelola terbaik**, demi meraih kepercayaan dan keyakinan terhadap kepimpinan serta institusi kerajaan. Usaha memperkukuh integriti dan akauntabiliti ini mula membuahkan hasil apabila kedudukan Malaysia dalam Indeks Daya Saing Dunia 2025 melonjak 11 anak tangga ke kedudukan ke-23.

141. Tadbir urus MADANI akan menumpukan kepada usaha **memperkukuh integriti dan akauntabiliti, mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam serta memantapkan pengurusan fiskal**. Semua usaha ini akan menjadikan Malaysia negara yang bermaruah dan disegani dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

PEMANTAUAN RMK13

142. Bagi memastikan segala perancangan RMK13 diterjemahkan dengan berkesan, mekanisme pemantauan RMK13 akan diperkemas melalui **Sistem Pemantauan PPD**, disusuli **pelaporan berkala kepada Jemaah Menteri**, agar setiap ikhtiar pembangunan terus berada di paksi yang tepat.

Tuan Yang di-Pertua,

143. Saya ingin memohon izin dan memaklumkan juga agar Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh mendapatkan teks sahih ucapan penuh saya yang akan diedarkan.

144. Teks penuh dan sahih ini boleh digunakan untuk dibahaskan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

PENUTUP

145. Perubahan yang kita dambakan menuntut **dukungan semua pihak** dan digerakkan dengan iltizam bersama. Matlamat kita bukan untuk sekadar mencapai status negara berpendapatan tinggi, tetapi yang lebih penting, untuk memastikan rakyat seluruhnya menikmati kehidupan yang selesa dan peluang yang adil dan saksama.

146. Dengan kepimpinan yang amanah dan berprinsip, insya-Allah Malaysia akan bangkit sebagai **negara yang dihormati, berpaksikan nilai, prinsip dan kekuatan watannya**.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya usulkan.